

SOALAN NO. 364

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan bentuk bantuan psikologi atau kaunseling yang ditawarkan
Kementerian dan agensi berkenaan bagi membantu golongan wanita
yang mengalami tekanan emosi :

138

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL
KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Perubahan landskap sosial hari ini telah banyak menyumbang kepada wujudnya peningkatan masalah kesihatan dan gangguan psikologi berikutan daripada masalah hubungan keluarga, tekanan kerja dan keperluan ekonomi. Keadaan ini boleh menyebabkan kemurungan, kebimbangan, stres dan pelbagai kecelaruan psikologi yang memberi impak terhadap kualiti dan kesejahteraan hidup secara holistik.

Bagi membantu khususnya golongan wanita yang mengalami tekanan emosi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi di bawahnya telah menyediakan perkhidmatan seperti berikut:

a) Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)

Bahagian Bimbingan dan Kaunseling, JPW menyediakan perkhidmatan kaunseling motivasi khususnya kepada ibu tunggal, wanita, remaja, dan mangsa keganasan yang sedang berhadapan

tekanan, cabaran dan situasi sukar dan memerlukan perkhidmatan kaunseling.

Kaunseling motivasi bertujuan membantu klien yang ingin melakukan perubahan tingkah laku, pemikiran dan perasaan ke arah yang lebih positif dan bersesuaian dengan keperluan semasa klien. Wanita, ibu tunggal, remaja, keluarga, mangsa keganasan yang berhadapan dengan tekanan emosi boleh menghubungi mana-mana pejabat pembangunan wanita negeri atau ibu pejabat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Temu janji boleh dibuat oleh klien melalui telefon, surat atau e-mel.

Pada tahun 2017, sebanyak 971 kes kaunseling telah dijalankan oleh kaunselor di Jabatan Pembangunan Wanita. Daripada jumlah tersebut sejumlah 760 kes telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan 211 kes telah menjalani ujian psikologi. Ujian psikologi yang digunakan adalah Ujian DASS21 (*Depression, Anxiety and Stress*) dan Ujian *Beck Hopelessness*. Kedua-dua ujian ini digunakan untuk menguji kesihatan mental seseorang individu.

b) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

LPPKN menyediakan perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan kaunseling keluarga di mana kaunseling perkahwinan merupakan sejenis psikoterapi untuk pasangan yang berkahwin. Kaunseling ini melibatkan satu proses perbincangan secara bersemuka untuk membantu pasangan suami isteri mengurus atau menangani masalah mereka dengan cara yang lebih efektif agar masalah yang kecil tidak merebak.

Manakala bagi kaunseling keluarga pula, ia merupakan satu teknik psikoterapeutik untuk meneroka dan menangani masalah emosi dalam sesebuah sistem keluarga dengan membantu ahli keluarga untuk berinteraksi dengan lebih berkesan. Dalam proses kaunseling yang dijalankan, ahli-ahli keluarga yang berhadapan dengan konflik akan dibantu untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi secara produktif supaya keharmonian hidup berkeluarga dapat dikecap semula. Perkhidmatan ini boleh didapatkan melalui temu janji atau menghadiri mana-mana pejabat LPPKN yang berdekatan.

c) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

JKM melalui Bahagian Kaunseling dan Psikologi berperanan menyediakan perkhidmatan kaunseling individu, kelompok,

perkahwinan, keluarga dan tele/e-kaunseling. Pendekatan kaunseling bertujuan memberi pendedahan mengenai pendekatan humanistik, kemahiran asas kaunseling, psikologi pengurusan keluarga dan teknik pengurusan emosi yang berkesan. Perkhidmatan kaunseling JKM adalah untuk memastikan kumpulan sasaran yang menghadapi isu psikologi dan tingkah laku dibantu ke arah penyelesaian yang lebih positif, produktif dalam mewujudkan kesejahteraan psikologi serta kesihatan mental yang baik. Perkhidmatan ini boleh diakses dengan mengunjungi mana-mana pejabat JKM yang berdekatan.

Selain itu, mulai tahun 2016 pihak Kementerian juga telah mengumumkan bulan Oktober setiap tahun sebagai “Bulan Kaunseling Kebangsaan”. Ini bertujuan membudayakan kaunseling sebagai sistem sokongan dalam masyarakat di samping memartabatkan profesion kaunseling di Malaysia. Sambutan ini juga diharap dapat membangkit serta mempertingkatkan kesedaran masyarakat umum terhadap kepentingan perkhidmatan kaunseling.

Berdasarkan inisiatif serta perkhidmatan bantuan psikologi dan kaunseling yang disediakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian, ia diharap dapat membantu masyarakat terutamanya golongan wanita yang

mengalami tekanan emosi dalam memastikan kesejahteraan wanita terjamin.